

## **BAB KETIGA**

### **TINJAUAN KEPERLUAN MODUL**

#### **3.0 PENDAHULUAN**

Pengkaji menjalankan tinjauan awal ini adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat-maklumat daripada pelajar-pelajar tentang keperluan penyediaan Modul Asas Bahasa Arab Untuk Pelajar-Pelajar Universiti Malaysia Sabah. Tinjauan ini juga bertujuan untuk melihat sejauh mana kemampuan pelajar dalam mempelajari bahasa Arab. Responden soal selidik yang dipilih oleh pengkaji adalah terdiri daripada 100 orang pelajar tahun satu dan tahun dua yang mengambil bahasa Arab sebagai kursus elektif di Universiti Malaysia Sabah yang berlatar belakang berbeza-beza sama ada dari segi agama, etnik mahupun penguasaan dalam bahasa Arab. Ada dalam kalangan mereka yang pernah belajar bahasa Arab di sekolah rendah dan ada kalangan mereka yang tidak pernah mempelajari bahasa Arab sebelum memasuki UMS, malah tidak mengenal langsung huruf Arab sama ada sebutan atau bacaan.

Oleh kerana jumlah responden yang terlibat dalam kajian ini agak ramai, maka pengkaji telah memilih kaedah tinjauan melalui soal selidik untuk mengumpul data yang diperlukan. Pengkaji memilih responden yang berlatar belakang berbeza-beza ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti kemampuan mereka dalam bahasa Arab serta keinginan mereka mempelajari bahasa Arab. Sekiranya responden yang dikaji menghadapi kesukaran dan tidak dapat mengikuti pembelajaran bahasa Arab dengan baik, maka

pengkaji akan mengemukakan beberapa andaian yang menyebabkan perkara tersebut berlaku, antaranya ialah, modul atau buku teks yang diguna pakai sebelum ini tidak begitu sesuai dengan tahap penguasaan pelajar dan sebagainya.

Andaian-andaian ini akan dapat disahkan melalui analisis soal selidik yang telah diedarkan oleh pengkaji kepada pelajar-pelajar UMS yang terdiri dari pelbagai bidang dan jurusan yang mengambil bahasa Arab sebagai kursus elektif. Pengkaji telah meminta bantuan beberapa orang tenaga pengajar bahasa Arab di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), UMS untuk mengedarkan soal selidik kepada pelajar-pelajar mereka.

Pengkaji membahagikan soal selidik kepada dua bahagian, iaitu soal selidik A dan soal selidik B. (Sila rujuk lampiran A). Soal selidik A untuk mengumpul dan mendapatkan data serta maklumat-maklumat tentang latar belakang pembelajaran bahasa Arab, minat, tujuan, tahap penguasaan bahasa Arab, serta pandangan mereka tentang keperluan penyediaan modul asas bahasa Arab untuk pelajar-pelajar UMS. Manakala soal selidik B adalah penilaian bertulis yang mengandungi soalan-soalan asas bahasa Arab seperti melengkapkan huruf, meletakkan baris, menyambung dan menyusun huruf, ucap selamat, bilangan, membuat ayat dan beberapa soalan mengenai asas sintaksis Arab.

Soal selidik ini bertujuan untuk menilai dan menguji tahap penguasaan mereka dalam bahasa Arab serta keperluan menyediakan modul asas bahasa Arab. Keputusan daripada penilaian ini akan dapat membantu pengkaji memantapkan keperluan penyediaan modul. Hasil kajian daripada kedua-dua soal selidik di atas akan menjadi titik permulaan kepada penyediaan modul asas bahasa Arab untuk pelajar-pelajar UMS.

Dalam menganalisis soal selidik ini, pengkaji menggunakan perisian SPSS 11. Jadual dan graf akan digunakan bagi memudahkan analisis dan perbandingan. Istilah hilang akan digunakan sekiranya sesuatu maklumat atau data tidak berjawab.

### **3.1 ANALISIS DESKRIPTIF DARI SOAL SELIDIK A**

Sebagaimana yang dijelaskan di atas, pengkaji telah mengedarkan soal selidik kepada 100 orang pelajar yang mengambil bahasa Arab sebagai kursus pilihan di PPIB, UMS yang mempunyai latar belakang berbeza. Pemilihan 100 orang responden ini adalah untuk memudahkan proses pengiraan serta dapat membantu pengkaji mendapat maklumat yang lebih jelas dan tepat.

#### **3.1.1 Latar Belakang Pelajar**

**Jadual 3.1:  
Bilangan Pelajar Berdasarkan Jantina**

<b>Jantina</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratusan</b>
Lelaki	37	37.0%
Perempuan	63	63.0%
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100.0%</b>

Berdasarkan Jadual 3.1, kajian Penyediaan Modul Asas Bahasa Arab Untuk Pelajar-Pelajar Universiti Malaysia Sabah telah melibatkan sebanyak 100 orang

responden dari kalangan pelajar-pelajar UMS. Daripada 100 orang responden yang terlibat, sebanyak 37 orang responden (37.0%) merupakan responden lelaki dan 63 orang responden 63.0% merupakan responden perempuan.

### 3.1.2 Umur

**Jadual 3.2:  
Bilangan Pelajar Berdasarkan Umur**

<b>Tahap Umur</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratusan</b>
19 – 20 Tahun	47	47.0%
21 – 23 Tahun	53	53.0%
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100.0%</b>

Berdasarkan Jadual 3.2 di atas, hasil daripada kajian yang dijalankan terhadap 100 orang responden, tahap umur bagi responden adalah dari 19 tahun sehingga 23 tahun. Daripada lingkungan umur tersebut, responden yang berumur 19 tahun hingga 20 tahun adalah sebanyak 47 orang (47.0%). Manakala responden yang berumur 21 tahun hingga 23 tahun adalah sebanyak 53 orang (53.0%). Pembahagian umur ini adalah berdasarkan penyelidikan yang telah dijalankan sebelum ini (Saini et.al (2007).

### 3.1.3 Negeri Kelahiran

**Jadual 3.3:  
Bilangan Responden Berdasarkan Negeri Kelahiran**

<b>Negeri Kelahiran</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratusan</b>
Sabah	36	36.0%
Sarawak	16	16.0%
Perak	9	9.0%
Kelantan	7	7.0%
Pulau Pinang	6	6.0%

Johor	5	5.0%
Kedah	5	5.0%
Kuala Lumpur	5	5.0%
Selangor	3	3.0%
Melaka	2	2.0%
Negeri Sembilan	2	2.0%
W.P. Labuan	1	1.0%
Pahang	1	1.0%
Perlis	1	1.0%
Terengganu	1	1.0%
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100.0%</b>

Jadual 3.3 di atas menunjukkan bahawa daripada 100 orang responden yang terlibat dalam kajian ini adalah mewakili dari negeri-negeri yang terdapat di Malaysia walaupun tidak semua negeri yang terlibat. Bilangan responden yang paling ramai bagi kategori negeri kelahiran ialah dari Sabah iaitu 36 orang (36.0%) manakala yang kedua tertinggi ialah dari Sarawak sebanyak 16 orang (16.0%). Kemudian diikuti oleh Perak sembilan orang (9.0%), Kelantan tujuh orang (7.0%), Pulau Pinang enam (6.0%), Johor lima orang (5.0%), Kedah lima orang (5.0%), Kuala Lumpur lima orang (5.0%), Selangor tiga orang (3.0%), Melaka dua orang (2.0%), Negeri Sembilan dua orang (2.0%). Manakala W.P. Labuan, Pahang, Perlis dan Terengganu masing-masing seorang (1.0%).

### 3.1.4 Agama

**Jadual 3.4:**  
**Bilangan Pelajar Berdasarkan Agama**

Agama	Bilangan	Peratusan
Islam	49	49.0%
Kristian	27	27.0%
Buddha	14	14.0%

Hindu	8	8.0%
Tiada Agama	2	2.0%
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100.0%</b>

Responden yang terlibat dalam kajian ini adalah terdiri dari pelbagai penganut agama. Jadual 3.4 di atas menjelaskan tentang bilangan responden berdasarkan agama. Responden yang beragama Islam adalah responden yang paling ramai iaitu sebanyak 49 orang (49.0%). Kemudian diikuti oleh Kristian sebanyak 27 orang (27.0%), Buddha 14 orang (14.0%), Hindu lapan orang (8.0%). Manakala Tiada Agama sebanyak dua orang (2.0%).

### 3.1.5 Bangsa/Kaum

**Jadual 3.5:**  
**Bilangan Pelajar Berdasarkan Bangsa/Kaum**

Bangsa/Kaum	Bilangan	Peratusan
Melayu	35	35.0%
Cina	21	21.0%
India	9	9.0%
Sino Kadazan	9	9.0%
Kadazan	7	7.0%
Dusun	4	4.0%
Iban	3	3.0%
Bajau	2	2.0%
Melanau	2	2.0%
Banjar	1	1.0%
Bugis	1	1.0%
Kedayan	1	1.0%
Kadazandusun	1	1.0%
Kayan	1	1.0%
Rungus	1	1.0%
Saban	1	1.0%

Sungai	1	1.0%
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100.0%</b>

Jadual 3.5 di atas menerangkan tentang bilangan responden berdasarkan bangsa atau kaum. Bangsa Melayu adalah paling ramai iaitu sebanyak 35 orang (35.0%) daripada 100 orang responden yang dikaji. Kemudian diikuti oleh bangsa Cina sebanyak 21 orang (21.0%), India sembilan orang (9.0%), Sino Kadazan sembilan orang (9.0%), Kadazan tujuh orang (7.0%), Dusun empat orang (4.0%), Iban tiga orang (3.0%), Bajau dan Melanau masing-masing dua orang (2.0%). Manakala Banjar, Bugis, Kedayan, Kadazandusun, Kayan, Rungus, Saban dan Sungai masing-masing seorang responden (1.0%).

### 3.1.6 Sekolah

**Jadual 3.6:  
Bilangan Responden Berdasarkan Sekolah**

<b>Sekolah/Fakulti</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratusan</b>
SST	28	28.0%
SPPS	18	18.0%
SPU	15	15.0%
SPE	11	11.0%
SKTM	7	7.0%
SPTA	5	5.0%
SPKS	4	4.0%
SSMP	4	4.0%
SSS	4	4.0%
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100.0%</b>

Jadual 3.6 di atas menyatakan tentang bilangan responden berdasarkan sekolah. Responden yang paling ramai adalah terdiri dari pelajar-pelajar Sekolah Sains dan Teknologi (SST) iaitu sebanyak 28 orang responden (28.0%). Ia diikuti Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS) sebanyak 18 orang (18.0%), Sekolah Perubatan (SPU) 15 orang (15.0%), Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE) 15 orang (15.0%), Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat (SKTM) tujuh orang (7.0%), Sekolah Perhutanan Tropika Antarabangsa (SPTA) enam orang (6.0%). Manakala Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial (SPKS), Sekolah Sains Makanan dan Pemakanan (SSMP) dan Sekolah Sains Sosial (SSS) masing-masing empat orang responden (4.0%).

### 3.1.7 Bidang/Aliran

**Jadual 3.7:**  
**Bilangan Responden Berdasarkan Bidang/Aliran**

Bidang/Aliran	Bilangan	Peratusan
Perubatan	15	15.0%
Sains	14	14.0%
Geologi	7	7.0%
Pendidikan dengan Sains	7	7.0%
Bioteknologi	6	6.0%
Sastera	4	4.0%
Biologi Pemuliharaan	3	3.0%
Pendidikan dengan TESL	3	3.0%
Perbankan dan Kewangan	3	3.0%
Fizik dengan Elektronik	2	2.0%
Hubungan Antarabangsa	2	2.0%
Kejuruteraan	2	2.0%
Kejuruteraan Kimia	2	2.0%
Kimia Industri	2	2.0%



Psikologi Kaunseling	2	2.0%
Teknologi Makanan dan Bioproses	2	2.0%
Ekonomi Kewangan	1	1.0%
Ekonomi Perancangan dan Pembangunan	1	1.0%
Ekonomi Sumber Manusia	1	1.0%
Fizik	1	1.0%
Hortikultur dan Landskap	1	1.0%
Kejuruteraan Awam	1	1.0%
Kejuruteraan Mekanikal	1	1.0%
Komunikasi	1	1.0%
Matematik dengan Ekonomi	1	1.0%
Muzik	1	1.0%
Pemasaran	1	1.0%
Pendidikan Sains	1	1.0%
Pengeluaran Ternakan	1	1.0%
Pengurusan Pelancongan	1	1.0%
Perakaunan	1	1.0%
Perladangan Hutan	1	1.0%
Perniagaan Antarabangsa	1	1.0%
Sains Biologi	1	1.0%
Sains Makanan	1	1.0%
Sains Marin	1	1.0%
Sains Pertanian	1	1.0%
Sains Sekitaran	1	1.0%
Taman Alam Semulajadi dan Rekreasi	1	1.0%
Teknologi Tumbuhan	1	1.0%
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100.0%</b>

Jadual 3.7 di atas menunjukkan bilangan responden berdasarkan bidang atau aliran. Terdapat sebanyak 15 orang responden (15.0%) mengikuti aliran perubahan, 14

orang responden (14.0%) dari aliran sains, masing-masing tujuh orang responden (7.0%) dari aliran geologi dan pendidikan dengan sains, enam orang responden (6.0%) dari aliran bioteknologi, empat orang responden (4.0%) dari aliran sastera, masing-masing tiga orang responden (3.0%) dari aliran biologi pemuliharaan, pendidikan dengan TESL serta perbankan dan kewangan. Manakala masing-masing dua orang responden (2.0%) dari aliran fizik dengan elektronik, hubungan antarabangsa, kejuruteraan, kejuruteraan kimia, kimia industri, psikologi kaunseling serta teknologi makanan dan bioproses. Terdapat seorang responden (1.0%) masing-masing dari aliran ekonomi kewangan, ekonomi perancangan dan pembangunan, ekonomi sumber manusia, fizik, hortikultur dan landskap, kejuruteraan awam, kejuruteraan mekanikal, komunikasi, matematik dengan ekonomi, muzik, pemasaran, pendidikan sains, pengeluaran ternakan, pengurusan pelancongan, perakaunan, perladangan hutan, perniagaan antarabangsa, sains biologi, sains makanan, sains marin dan sains pertanian.

### 3.1.8 Tahun Pengajian

**Jadual 3.8:  
Bilangan Responden Berdasarkan Tahun Pengajian**


<b>Tahun Pengajian</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratusan</b>
Tahun 1	78	78.0%
Tahun 2	22	22.0%
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100.0%</b>

Berdasarkan Jadual 3.8, bilangan responden yang belajar di tahun satu pengajian dalam kajian ini adalah sebanyak 78 orang (78.0%), manakala tahun dua pengajian

sebanyak 22 orang (22.0%).

### 3.1.9 Latar Belakang Bahasa Arab

**Rajah 3.1:  
Latar Belakang Bahasa Arab**



Rajah 3.1 di atas menerangkan tentang latar belakang pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar yang dikaji. Hasil kajian mendapati sebanyak 14% responden atau 14 orang pernah mempelajari bahasa Arab sebelum memasuki UMS. Manakala 86.0% atau 86 orang responden tidak pernah mempelajari bahasa Arab sebelum memasuki UMS.

### 3.1.10 Tahap Pembelajaran Bahasa Arab

**Jadual 3.9:  
Tahap Pembelajaran Bahasa Arab**

Bil.	Item	Bilangan	Peratusan
1.	Sekolah Rendah	12	12.0%
2.	Sekolah Menengah	0	0%
3.	Pernah mengikuti kursus bahasa Arab	0	0%
4.	Belajar dengan rakan-rakan	2	2.0%

Berdasarkan Jadual 3.9, daripada 100 orang responden yang dikaji, hanya 14 orang responden yang pernah belajar bahasa Arab sebelum memasuki UMS. Daripada 14 orang responden tersebut, hanya 12 orang responden (12.0%) pernah belajar di Sekolah Rendah dan dua orang responden (2.0%) sahaja pernah belajar bahasa Arab dengan rakan-rakan. Manakala selebihnya iaitu 86 orang responden (86.0%) tidak pernah mempelajari bahasa Arab seperti mana yang telah dijelaskan dalam Rajah 3.1.

### 3.1.11 Sebab-Sebab Tidak Pernah Mempelajari Bahasa Arab

**Jadual 3.10:  
Sebab-Sebab Tidak Pernah Mempelajari Bahasa Arab**

<b>Bil.</b>	<b>Item</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratusan</b>
1.	Tidak berpeluang mempelajarinya.	54	54.0%
2.	Bahasa Arab tidak diperkenalkan sebelum ini.	25	25.0%
3.	Bahasa Arab tidak sesuai untuk dipelajari.	2	2.0%

Jadual 3.10 menjelaskan tentang sebab-sebab responden tidak pernah mempelajari bahasa Arab sebelum memasuki UMS. Daripada 86 orang responden yang tidak pernah mempelajari bahasa Arab sebelum ini, terdapat 54 orang responden (54.0%) menyatakan bahawa tidak berpeluang mempelajari bahasa Arab, 25 orang responden (25.0%) menyatakan bahawa bahasa Arab tidak diperkenalkan sebelum ini dan dua orang responden menyatakan bahawa bahasa Arab tidak sesuai untuk dipelajari. Di samping itu

terdapat lima orang responden (5.0%) telah memberi maklum balas tentang sebab-sebab tidak pernah mempelajari bahasa Arab selain daripada yang telah disenaraikan oleh pengkaji di atas, antaranya ialah disebabkan belajar di sekolah Inggeris dan sekolah Cina (1.0%), bantahan dari keluarga (1.0%), keluarga selalu berpindah randah dari satu negeri ke satu negeri yang lain (1.0%), tidak mempunyai kegunaan di Malaysia (1.0%), tidak pernah berminat dan tidak pernah terfikir akan mempelajari bahasa Arab (1.0%).

Manakala baki responden iaitu 14 orang (14.0%) pernah mempelajari bahasa Arab seperti mana yang telah dijelaskan dalam Jadual 3.9 sebelum ini.

### 3.1.12 Sebab Memilih Bahasa Arab Sebagai Bahasa Asing di UMS

**Jadual 3.11:**  
**Sebab Memilih Bahasa Arab Sebagai Bahasa Asing**


<b>Bil.</b>	<b>Item</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratusan</b>
1.	Terpaksa kerana tidak ada pilihan bahasa-bahasa asing lain.	53	53.0%
2.	Berminat mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa asing.	31	31.0%
3.	Ikut kawan yang mengambil bahasa Arab.	9	9.0%
4.	Meningkatkan kemahiran bahasa Arab.	4	4.0%

Jadual 3.11 menerangkan sebab-sebab memilih bahasa Arab sebagai bahasa asing. Daripada 100 orang responden yang terlibat dalam kajian ini, sebanyak 53 orang responden (53.0%) menyatakan terpaksa kerana tidak ada pilihan bahasa-bahasa asing lain. Ia merupakan yang paling banyak jika dibandingkan dengan sebab-sebab yang lain. Sebanyak 31 orang responden (31.0%) menyata berminat mempelajari bahasa Arab

sebagai bahasa asing. Sembilan orang responden (9.0%) menyatakan ikut kawan yang mengambil bahasa Arab dan empat orang responden (4.0%) menyatakan untuk meningkatkan kemahiran bahasa Arab. Di samping itu terdapat tiga orang responden (3.0%) telah memberi maklum balas tentang sebab memilih bahasa Arab sebagai bahasa asing selain daripada yang telah disenaraikan oleh pengkaji di atas, antaranya ialah kerana berpeluang mempelajari bahasa Arab (1.0%), disuruh oleh ibu bapa kerana bahasa Arab adalah bahasa al-Quran (1.0%), sebagai syiar Islam dan peluang pekerjaan di Timur Tengah (1.0%).

### 3.1.13 Berminat Mempelajari Bahasa Arab Setelah Mengikuti Bahasa Arab di UMS

**Rajah 3.2:**  
**Minat Mempelajari Bahasa Arab**



Berdasarkan Rajah 3.2 di atas, sebanyak 67% responden menyatakan berminat mempelajari bahasa Arab setelah mengikuti pembelajaran bahasa tersebut di UMS. Manakala sebanyak 33.0% responden tidak berminat mempelajari bahasa Arab walaupun telah mengikuti pembelajaran bahasa tersebut di kelas. Pengkaji berpendapat bahawa pelajar-pelajar yang tidak berminat mempelajari bahasa Arab walaupun sudah mengikuti

pembelajaran bahasa tersebut di kelas adalah terdiri dari kalangan pelajar-pelajar yang tidak mempunyai asas langsung bahasa Arab khususnya bagi pelajar-pelajar bukan beragama Islam kerana mereka tidak dapat mengikuti pembelajaran bahasa Arab dengan baik dan mereka sebenarnya memilih bahasa Arab sebagai kursus pilihan kerana terpaksa disebabkan bahasa-bahasa asing yang lain sudah penuh. Sebab itulah mereka tidak berminat mempelajari bahasa Arab, tambahan pula tidak ada modul asas bahasa Arab.

### 3.1.14 Sebab-Sebab Tidak Minat Mempelajari Bahasa Arab

**Jadual 3.12:  
Sebab-Sebab Tidak Minat Mempelajari Bahasa Arab**

Bil.	Item	Bilangan	Peratusan
1.	Tidak ada modul asas bahasa Arab khusus untuk pelajar-pelajar yang tidak mempunyai asas bahasa Arab yang lebih mudah dan senang diikuti.	16	16.0%
2.	Bahasa Arab adalah bahasa yang susah.	7	7.0%
3.	Tidak dapat mengikuti pembelajaran bahasa Arab.	5	5.0%
4.	Tidak dapat mengingat dengan baik.	4	4.0%
5.	Buku bahasa Arab yang digunakan sekarang adalah susah.	1	1.0%

Jadual 3.12 menjelaskan tentang sebab-sebab tidak minat mempelajari bahasa Arab. Kajian mendapati daripada 33 orang responden yang tidak berminat mempelajari bahasa Arab, sebanyak 16 orang responden (16.0%) menyatakan kerana tidak ada modul asas bahasa Arab khusus untuk pelajar-pelajar yang tidak mempunyai asas bahasa Arab yang lebih mudah dan senang diikuti. Sebanyak tujuh orang responden (7.0%) menyatakan bahasa Arab adalah bahasa yang susah, lima orang responden (5.0%)

menyatakan tidak dapat mengikuti pembelajaran bahasa Arab, empat orang responden (4.0%) menyatakan tidak dapat mengingat dengan baik dan seorang responden (1.0%) menyatakan buku bahasa Arab yang digunakan sekarang adalah susah. Manakala baki responden iaitu 67 orang (67.0%) berminat mempelajari bahasa Arab seperti mana yang telah dijelaskan dalam Rajah 3.2 sebelum ini.

### 3.1.15 Tujuan Mempelajari Bahasa Arab

**Jadual 3.13:  
Tujuan Mempelajari Bahasa Arab**

<b>Bil.</b>	<b>Item</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratusan</b>
1.	Dapat menguasai pelbagai bahasa.	42	42.0%
2.	Dapat bertutur dan berkomunikasi dalam bahasa Arab.	32	32.0%
3.	Dapat mengenal budaya dan bangsa Arab.	3	3.0%

Berdasarkan Jadual 3.13, sebanyak 42 orang responden (42.0%) menyatakan tujuan mempelajari bahasa Arab adalah untuk dapat menguasai pelbagai bahasa, 32 orang responden (32.0%) menyatakan untuk dapat bertutur dan berkomunikasi dalam bahasa Arab dan tiga orang responden (3.0%) menyatakan untuk dapat mengenal budaya dan bangsa Arab. Di samping itu terdapat 23 orang responden (23.0%) telah memberi maklum balas tentang tujuan mempelajari bahasa Arab selain daripada yang telah disenaraikan oleh pengkaji di atas, antaranya ialah untuk lulus dalam ujian dan memenuhi syarat mendapat ijazah (11.0%), dapat mempelajari dan mengenali bahasa



baru (4.0%), untuk memahami dan mendalami al-Quran (4.0%) dan terpaksa kerana bahasa asing wajib dipelajari dan wajib lulus (4.0%)

### 3.1.16 Tahap Penguasaan Pelajar Terhadap Bahasa Arab

**Jadual 3.14:  
Tahap Penguasaan Pelajar Terhadap Bahasa Arab**

Bil.	Item	1	2	3	4	5
1.	Tahap ingatan dan penguasaan anda terhadap semua huruf Arab.	1 (1.0%)	14 (14.0%)	26 (26.0%)	36 (36.0%)	23 (23.0%)
2.	Tahap penguasaan anda terhadap tulisan Arab.	3 (3.0%)	17 (17.0%)	34 (34.0%)	38 (38.0%)	7 (7.0%)
3.	Tahap penguasaan anda dalam sebutan huruf Arab.	4 (4.0%)	14 (14.0%)	48 (48.0%)	26 (26.0%)	7 (7.0%)
4.	Tahap kemahiran anda meletakkan tanda bacaan/ baris Arab.	12 (12.0%)	26 (26.0%)	43 (43.0%)	16 (16.0%)	3 (3.0%)
5.	Tahap penguasaan anda terhadap kemahiran mendengar bahasa Arab.	13 (13.0%)	38 (38.0%)	42 (42.0%)	7 (7.0%)	0 (0%)
6.	Tahap penguasaan anda terhadap kemahiran bertutur dalam bahasa Arab.	26 (26.0%)	41 (41.0%)	26 (26.0%)	8 (8.0%)	1 (1.0%)

7.	Tahap penguasaan anda terhadap kemahiran membaca dalam bahasa Arab.	3 (3.0%)	21 (21.0%)	50 (50.0%)	22 (22.0%)	4 (4.0%)
8.	Tahap penguasaan anda terhadap kemahiran menulis dalam bahasa Arab.	3 (3.0%)	33 (33.0%)	46 (46.0%)	18 (18.0%)	0 (0%)
9.	Tahap penguasaan anda dalam perbendaharaan kata Arab.	29 (29.0%)	38 (38.0%)	27 (27.0%)	5 (5.0%)	1 (1.0%)
10.	Tahap penguasaan anda dalam nahu (sintaksis) Arab.	21 (21.0)	47 (47.0%)	26 (26.0%)	6 (6.0%)	0 (0%)
11.	Tahap penguasaan bahasa Arab anda secara keseluruhan.	9 (9.0%)	34 (34.0%)	52 (52.0%)	5 (5.0%)	0 (0%)

**Singkatan:**

- 1 : Sangat lemah**
- 2 : Lemah**
- 3 : Sederhana**
- 4 : Baik**
- 5 : Sangat baik**

Jadual 3.14 memperihalkan tahap penguasaan pelajar terhadap bahasa Arab. Terdapat 11 item berkaitan penguasaan bahasa Arab. Pengkaji akan menganalisis satu persatu setiap item di atas. Item pertama iaitu tahap ingatan dan penguasaan pelajar terhadap semua huruf Arab. Hasil analisis mendapati seorang responden (1.0%)

menyatakan sangat lemah, 14 orang responden (14.0%) menyatakan lemah dan 26 orang responden (26.0%) menyatakan sederhana. Manakala 36 orang responden (36.0%) menyatakan baik dan 23 orang responden (23.0%) menyatakan sangat baik.

Bagi item kedua iaitu tahap penguasaan pelajar terhadap tulisan Arab, analisis mendapati sebanyak tiga orang responden (3.0%) menyatakan sangat lemah, 17 orang responden (17.0%) menyatakan lemah dan 34 orang responden (34.0%) menyatakan sederhana. Manakala 38 orang responden (34.0%) menyatakan baik dan hanya tujuh orang responden (7.0%) menyatakan sangat baik.

Item ketiga pula iaitu tahap penguasaan pelajar dalam sebutan huruf Arab. Hasil analisis mendapati empat orang responden (4.0%) menyatakan sangat lemah, 14 orang responden (14.0%) menyatakan lemah dan 48 orang responden (48.0%) menyatakan sederhana. Manakala 26 orang responden (26.0%) menyatakan baik dan tujuh orang responden (7.0%) menyatakan sangat baik.

Item keempat pula berkaitan tahap kemahiran pelajar meletakkan tanda bacaan atau baris Arab. Analisis mendapati sebanyak 12 orang responden (12.0%) menyatakan sangat lemah, 26 orang responden menyatakan lemah dan 43 orang responden (43.0%) menyatakan sederhana. Manakala 16 orang responden (16.0%) menyatakan baik dan hanya tiga orang responden (3.0%) menyatakan sangat baik.

Berkaitan dengan item kelima iaitu tahap penguasaan pelajar terhadap kemahiran mendengar bahasa Arab, hasil analisis mendapati sebanyak 13 orang responden (13.0%) menyatakan sangat lemah, 38 orang responden (38.0%) menyatakan lemah dan 42 orang

responden (42.0%) menyatakan sederhana. Manakala hanya tujuh orang responden (7.0%) menyatakan baik.

Item keenam pula iaitu tahap penguasaan pelajar terhadap kemahiran bertutur dalam bahasa Arab. Hasil kajian mendapati sebanyak 26 orang responden (26.0%) menyatakan sangat lemah, 41 orang responden (41.0%) menyatakan lemah dan 26 orang responden (26.0%) menyatakan sederhana. Manakala hanya lapan orang responden (8.0%) menyatakan baik dan seorang responden (1.0%) menyatakan sangat baik.

Bagi item ketujuh iaitu tahap penguasaan pelajar terhadap kemahiran membaca dalam bahasa Arab. Sebanyak tiga orang responden (3.0%) menyatakan sangat lemah, 21 orang responden (21.0%) menyatakan lemah dan 50 orang responden (50.0%) menyatakan sederhana. Manakala 22 orang responden (22.0%) menyatakan baik dan hanya empat orang responden (4.0%) menyatakan sangat baik.

Berkaitan item kelapan iaitu tahap penguasaan pelajar terhadap kemahiran menulis dalam bahasa Arab. Hasil analisis mendapati sebanyak tiga orang responden (3.0%) menyatakan sangat lemah, 33 orang responden (33.0%) menyatakan lemah dan 46 orang responden (46.0%) menyatakan sederhana. Manakala hanya 18 orang responden (18.0%) sahaja menyatakan baik.

Berkenaan item kesembilan pula iaitu tahap penguasaan pelajar dalam perbendaharaan kata Arab. Hasil kajian mendapati sebanyak 29 orang responden (29.0%) menyatakan sangat lemah, 38 orang responden (38.0%) menyatakan lemah dan 27 orang responden (27.0%) menyatakan sederhana. Manakala lima orang responden (5.0%)

menyatakan baik dan hanya seorang responden sahaja (1.0%) menyatakan sangat baik.


Berkaitan item kesepuluh iaitu tahap penguasaan pelajar dalam nahu (sintaksis) Arab. Hasil analisis mendapati sebanyak 21 orang responden (21.0%) menyatakan sangat lemah, 47 orang responden (47.0%) menyatakan lemah dan 26 orang responden (26.0%) menyatakan sederhana. Manakala hanya enam orang sahaja (6.0%) menyatakan baik.

Manakala item yang terakhir iaitu tahap penguasaan bahasa Arab pelajar secara keseluruhan. Hasil kajian mendapati sebanyak sembilan orang (9.0%) menyatakan sangat lemah, 34 orang responden (34.0%) menyatakan lemah dan 52 orang responden (52.0%) menyatakan sederhana. Manakala hanya lima orang responden (5.0%) sahaja menyatakan baik.

Melalui hasil analisis ini, pengkaji dapat merumuskan bahawa secara keseluruhannya tahap penguasaan pelajar adalah lemah dan sederhana. Ini adalah disebabkan mereka tidak mempunyai asas yang baik dalam bahasa Arab malah sebahagian mereka tidak mengenali bahasa Arab sebelum mengikuti pembelajaran bahasa tersebut.

### **3.1.17 Keinginan Mempertingkatkan Bahasa Arab**

#### **Rajah 3.3: Keinginan Mempertingkatkan Bahasa Arab**



Rajah 3.3 di atas menjelaskan tentang keinginan pelajar mempertingkatkan bahasa Arab. Hasil kajian mendapati sebanyak 86 orang responden (86.0%) menyatakan dapat mempertingkatkan lagi bahasa Arab. Hanya 13 orang responden (13.0%) menyatakan tidak dapat mempertingkatkan lagi bahasa Arab. Hal ini mungkin disebabkan mereka tidak berminat mempelajari bahasa Arab. Terdapat satu data hilang. Ini berkemungkinan responden tersebut tidak menyatakan jawapannya terhadap soal selidik yang diedarkan.

### 3.1.18 Cara-Cara Mempertingkatkan Bahasa Arab

**Jadual 3.15:**  
**Cara-Cara Mempertingkatkan Bahasa Arab**

Bil.	Item	Bilangan	Peratusan
1.	Meningkatkan motivasi diri mempelajari bahasa Arab.	38	(38.0%)
2.	Memperbanyakkan perbendaharaan kata Arab.	23	(23.0%)
3.	Memperbanyakkan bertutur dalam bahasa Arab bersama rakan-rakan.	13	(13.0%)

4.	Bersaing dengan pelajar-pelajar yang lebih arif dalam bahasa Arab.	5	(5.0%)
----	--	---	--------

Jadual 3.15 di atas memperihalkan tentang cara-cara mempertingkatkan bahasa Arab. Hasil kajian mendapati sebanyak 38 orang responden (38.0%) menyatakan bahawa untuk mempertingkatkan bahasa Arab hendaklah dengan meningkatkan motivasi diri mempelajari bahasa Arab, 23 orang responden (23.0%) menyatakan dengan memperbanyakkan perbendaharaan kata Arab, 13 orang responden (13.0%) menyatakan dengan memperbanyakkan bertutur dalam bahasa Arab bersama rakan-rakan dan lima orang responden (5.0%) menyatakan dengan bersaing dengan pelajar-pelajar yang lebih arif dalam bahasa Arab. Di samping itu terdapat lapan orang responden (8.0%) telah memberi maklum balas tentang cara-cara mempertingkatkan bahasa Arab selain daripada yang telah disenaraikan oleh pengkaji di atas, antaranya ialah memperbanyakkan latihan tubi dan mengulang kaji pelajaran (3.0%), mengadakan aktiviti bahasa Arab di luar kelas (2.0%), berjumpa dan berbincang dengan pensyarah (1.0%), bertanya rakan-rakan yang lebih arif (1.0%) dan membaca serta menghafal perkataan Arab (1.0%). Adapun baki responden iaitu 13 orang (13.0%) ialah mereka yang tidak dapat mempertingkatkan bahasa Arab seperti mana yang telah dijelaskan dalam Rajah 3.3 sebelum ini.

### 3.1.19 Sebab-Sebab Tidak Dapat Mempertingkatkan Bahasa Arab

**Jadual 3.16:  
Sebab-Sebab Tidak Dapat Mempertingkatkan**

Bil.	Item	Bilangan	Peratusan
1.	Tertinggal jauh dari rakan-rakan yang lain yang lebih arif dalam bahasa Arab.	5	(5.0%)


2.	Motivasi diri mempelajari bahasa Arab rendah.	4	(4.0%)
3.	Tidak mampu berusaha lebih daripada sepatutnya.	2	(2.0%)

Jadual 3.16 menjelaskan tentang sebab-sebab pelajar tidak dapat meningkatkan bahasa Arab. Daripada 100 orang responden yang dikaji, hanya 13 orang responden tidak dapat meningkatkan bahasa Arab. Daripada 13 orang responden tersebut, sebanyak lima orang responden (5.0%) menyatakan tertinggal jauh dari rakan-rakan yang lain yang lebih arif dalam bahasa Arab, empat orang responden (4.0%) menyatakan motivasi diri mempelajari bahasa Arab rendah, manakala dua orang responden (2.0%) menyatakan tidak mampu berusaha lebih daripada sepatutnya. Di samping, itu terdapat dua orang responden (2.0%) menyatakan sebab mereka tidak dapat mempertingkatkan bahasa Arab selain daripada yang telah digariskan oleh pengkaji iaitu, tidak dapat menguasai dengan baik dalam masa yang begitu singkat (1.0%) dan susah ingat semua formula (1.0%). Manakala baki responden sebanyak 86 orang (86.0%) dapat mempertingkatkan bahasa Arab, di samping satu data hilang seperti mana yang telah dijelaskan dalam Rajah 3.3 sebelum ini.

### **3.1.20 Modul Bahasa Arab Yang Diguna Pakai Sekarang Dapat Membantu Mempelajari Bahasa Arab Dengan Mudah dan Berkesan**

#### **Rajah 3.4: Modul Bahasa Arab Yang Diguna Pakai Sekarang**





Berdasarkan Rajah 3.4 di atas, sebanyak 40.0% atau 40 orang responden menyatakan modul yang diguna pakai sekarang dapat membantu pelajar mempelajari bahasa Arab dengan mudah dan berkesan, manakala sebanyak 59.0% atau 59 orang responden menyatakan sebaliknya iaitu modul yang digunapakai sekarang tidak dapat membantu pelajar mempelajari bahasa Arab dengan mudah dan berkesan. Seorang responden (1.0%) hilang iaitu tidak menyatakan jawapan. Ini menunjukkan bahawa majoriti pelajar memerlukan modul asas bahasa Arab yang lebih sesuai dengan tahap kemampuan mereka untuk membolehkan mereka dapat mengikuti pembelajaran bahasa Arab dengan baik dan mudah.

### 3.1.21 Sebab-Sebab Modul Yang Ada Sekarang Tidak Sesuai

**Jadual 3.17:**  
**Sebab-Sebab Modul Yang Ada Sekarang Tidak Sesuai**

Bil.	Item	Bilangan	Peratusan


1.	Modul yang digunakan sekarang adalah umum, digunapakai oleh semua pelajar dan bukannya khusus untuk pelajar-pelajar yang tidak mempunyai asas dalam bahasa Arab.	35	35.0%
2.	Isi kandungan modul yang dipelajari terlalu banyak.	8	8.0%
3.	Tidak ada bantuan sebutan dalam tulisan rumi.	8	8.0%
4.	Kandungan nahu Arab yang dipelajari terlalu tinggi dan banyak.	6	6.0%

Jadual 3.17 di atas menerangkan tentang sebab-sebab modul yang ada sekarang tidak sesuai dengan tahap kemampuan pelajar. Hasil kajian mendapati sebanyak 35 orang responden (35.0%) menyatakan modul yang digunakan sekarang adalah umum, digunapakai oleh semua pelajar dan bukannya khusus untuk pelajar-pelajar yang tidak mempunyai asas dalam bahasa Arab. lapan orang responden (8.0%) menyatakan isi kandungan modul yang dipelajari terlalu banyak, lapan orang responden (8.0%) menyatakan tidak ada bantuan sebutan dalam tulisan rumi dan enam orang responden (6.0%) menyatakan kandungan nahu Arab yang dipelajari terlalu tinggi dan banyak. Di samping itu terdapat dua orang responden (2.0%) telah memberi maklum balas tentang sebab-sebab modul yang ada sekarang tidak sesuai selain daripada yang telah disenaraikan oleh pengkaji di atas, iaitu tidak ada bantuan makna bagi setiap perkataan (1.0%) dan kurang kosa kata yang dapat digunakan dalam kehidupan seharian (1.0%). Manakala baki responden sebanyak 40 orang (40.0%) telah menyatakan modul yang ada sekarang adalah sesuai seperti mana yang telah dijelaskan dalam Rajah 3.4 sebelum ini.

Terdapat satu data hilang (1.0%) kerana responden tidak menyatakan jawapannya.

### 3.1.22 Pengajaran Bahasa Arab Yang Disampaikan Oleh Guru

**Rajah 3.5:**  
**Pengajaran Bahasa Arab Yang Disampaikan Oleh Guru**



Berdasarkan Rajah 3.5, pengajaran guru secara keseluruhannya adalah baik. Hasil kajian mendapati majoriti responden iaitu 66% menyatakan dapat mengikuti dengan baik pengajaran bahasa Arab yang disampaikan oleh guru. Manakala hanya 34% responden menyatakan sebaliknya. Ini adalah disebabkan guru telah berusaha sedaya upaya memberikan pengajaran yang terbaik kepada pelajar supaya mereka dapat mengikuti pembelajaran dengan baik.

### 3.1.23 Sebab-Sebab Dapat Mengikuti Pembelajaran Yang Disampaikan

**Jadual 3.18:**  
**Sebab-Sebab Dapat Mengikuti Pembelajaran Yang Disampaikan**

Bil.	Item	Bilangan	Peratusan
------	------	----------	-----------

1.	Guru menggunakan dwibahasa dalam pengajaran.	38	38.0%
2.	Guru menggunakan pelbagai kaedah pengajaran.	29	29.0%
3.	Pengajaran dilakukan secara perlahan.	22	22.0%
4.	Guru memberi perhatian sepenuhnya kepada saya dalam pelajaran.	7	7.0%

Jadual 3.18 di atas menerangkan tentang sebab-sebab pelajar dapat mengikuti pembelajaran yang disampaikan. Hasil kajian mendapati kebanyakan responden menyatakan guru menggunakan dwibahasa dalam pengajaran iaitu sebanyak 38 orang (38.0%), 29 orang responden (29.0%) menyatakan guru menggunakan pelbagai kaedah pengajaran dan 22 orang responden (22.0%) menyatakan pengajaran dilakukan secara perlahan. Manakala hanya tujuh orang responden (7.0%) menyatakan guru memberi perhatian sepenuhnya kepada pelajar dalam pelajaran. Jika diteliti, peratusan ini agak tinggi juga, ini menunjukkan guru berjaya menyampaikan pengajaran dengan baik dan berkesan. Peratusan yang menjawab bagi satu-satu item dalam Jadual 3.18 diukur berdasarkan respon setiap item tersebut dan bukannya berdasarkan keseluruhan empat item yang terkandung dalam jadual.

### 3.1.24 Sebab-Sebab Tidak Dapat Mengikuti Pembelajaran Yang Disampaikan

**Jadual 3.19:**  
**Sebab-Sebab Tidak Dapat Mengikuti Pembelajaran Yang Disampaikan**

Bil.	Item	Bilangan	Peratusan
1.	Pengajaran dijalankan terlalu laju kerana untuk menghabiskan silibus.	17	17.0%

2.	Masa yang diperuntukkan tidak mencukupi dalam mempelajari bahasa Arab.	9	9.0%
3.	Kaedah penyampaian kurang menarik.	4	4.0%
4.	Kurangnya latihan dalam pembelajaran.	3	3.0%

Jadual 3.19 di atas menunjukkan beberapa sebab yang diberikan oleh responden tentang kenapa mereka tidak dapat mengikuti pembelajaran yang disampaikan. Daripada 100 orang responden yang dikaji, hanya 34 orang responden yang menyatakan tidak dapat mengikuti pembelajaran yang disampaikan. Daripada 34 orang responden tersebut, sebanyak 17 orang responden (17.0%) memberikan sebab bahawa pengajaran dijalankan terlalu laju kerana untuk menghabiskan silibus, sembilan orang responden (9.0%) memberikan sebab kerana masa yang diperuntukkan tidak mencukupi dalam mempelajari bahasa Arab, empat orang responden (4.0%) menyatakan kaedah penyampaian kurang menarik dan tiga orang responden (3.0%) menyatakan kurangnya latihan dalam pembelajaran. Di samping itu, terdapat seorang responden (1.0%) telah memberi maklum balas tentang sebab-sebab tidak dapat mengikuti pembelajaran yang disampaikan selain daripada yang telah disenaraikan oleh pengkaji di atas, iaitu tidak berminat mempelajari bahasa Arab dan kurang motivasi diri untuk belajar (1.0%). Walaubagaimanapun jika diteliti, peratusan ini agak kecil jika dibandingkan dengan responden yang menyatakan dapat mengikuti pembelajaran yang disampaikan.

### **3.1.25 Isi Kandungan Bahasa Arab Yang Sukar Difahami**

**Jadual 3.20:  
Isi Kandungan Bahasa Arab Yang Sukar Difahami**

<b>Bil.</b>	<b>Item</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratusan</b>
1.	Tatabahasa/nahu Arab	74	74.0%
2.	Kosa kata Arab	57	57.0%
3.	Perbualan bahasa Arab	45	45.0%
4.	Sebutan dan bacaan perkataan Arab	16	16.0%

Isi kandungan merupakan di antara beberapa perkara yang penting dalam penyediaan sesuatu modul. Kesilapan menentukan isi kandungan akan menyebabkan kegagalan sesuatu modul tersebut. Jadual 3.20 di atas menjelaskan bahawa sebanyak 74 orang responden (74.0%) daripada 100 orang responden yang dikaji menyatakan tatabahasa atau nahu Arab merupakan isi kandungan yang sukar difahami. Ia merupakan peratusan yang paling tinggi dalam kajian ini berkaitan dengan isi kandungan yang sukar difahami. Kemudian diikuti kosa kata Arab iaitu sebanyak 57 orang responden (57.0%) menyatakan kosa kata Arab sukar difahami, sebanyak 45 orang responden (45.0%) menyatakan perbualan bahasa Arab sukar difahami dan sebanyak 16 orang responden (16.0%) menyatakan sebutan dan bacaan Arab sukar difahami. Di samping itu terdapat lapan orang responden (8.0%) telah memberi maklum balas tentang isi kandungan bahasa arab yang sukar difahami selain daripada yang telah disenaraikan oleh pengkaji di atas, antaranya ialah membentuk dan menyusun ayat (2.0%), membuat karangan pendek (1.0%), penukaran ganti nama (1.0%), bilangan dan nombor (1.0%), petikan teks yang panjang (1.0%), soalan sukar difahami (1.0%) dan semuanya sukar difahami (1.0%). Hasil analisis ini akan dapat membantu pengkaji dalam menyediakan isi kandungan yang sesuai untuk pelajar-pelajar UMS nanti. Peratusan yang menjawab bagi satu-satu item dalam Jadual 3.20 diukur berdasarkan respon setiap item tersebut dan bukannya berdasarkan keseluruhan empat item yang terkandung dalam jadual.

### 3.1.26 Usaha Untuk Mempertingkatkan Bahasa Arab

**Jadual 3.21:  
Usaha Untuk Mempertingkatkan Bahasa Arab**

<b>Bil.</b>	<b>Item</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratusan</b>
1.	Bertanya kepada rakan-rakan yang lebih arif dalam bahasa Arab.	71	71.0%
2.	Selalu bertanya kepada guru yang mengajar.	36	36.0%
3.	Membiasakan diri menggunakan asas-asas perkataan Arab dalam pertuturan.	24	24.0%
4.	Menggunakan kamus perbualan Arab harian.	13	13.0%
5.	Membaca buku-buku rujukan Arab yang lain.	10	10.0%

Jadual 3.21 di atas menunjukkan usaha pelajar-pelajar untuk meningkatkan bahasa Arab. Analisis mendapati masih ramai pelajar-pelajar berusaha untuk mempertingkatkan bahasa Arab. Sebanyak 71 orang responden (71.0%) menyatakan bahawa cara meningkatkan bahasa Arab adalah dengan bertanya kepada rakan-rakan yang lebih arif dalam bahasa Arab, 36 orang responden (36.0%) menyatakan dengan cara

selalu bertanya kepada guru yang mengajar, 24 orang responden (24.0%) menyatakan dengan cara membiasakan diri menggunakan asas-asas perkataan Arab dalam pertuturan, 13 orang responden (13.0%) menyatakan dengan cara menggunakan kamus perbualan Arab harian dan 10 orang responden (10.0%) menyatakan dengan cara membaca buku-buku rujukan Arab yang lain. Di samping itu, responden juga telah memberi maklum balas dengan menyatakan usaha-usaha selain daripada yang disenaraikan oleh pengkaji, iaitu sebanyak 17 orang responden (17.0%), antaranya ialah dengan cara memperbanyakkan bacaan dan ulangkaji (6.0%), menghafal perkataan (6.0%), membuat latihan (4.0%) dan menggunakan modul yang lebih mudah (1.0%). Peratusan yang menjawab bagi satu-satu item dalam Jadual 3.21 diukur berdasarkan respon setiap item tersebut dan bukannya berdasarkan keseluruhan lima item yang terkandung dalam jadual.

### 3.1.27 Usaha Untuk Lulus Dalam Peperiksaan

**Jadual 3.22:  
Usaha Untuk Lulus Dalam Peperiksaan**

<b>Bil.</b>	<b>Item</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratusan</b>
1.	Menghafal pelajaran yang dipelajari.	71	71.0%
2.	Melakukan latihan terhadap latihan-latihan yang diberikan.	49	49.0%
3.	Membuat perbincangan berkumpulan dengan rakan-rakan.	13	13.0%

Berdasarkan Jadual 3.22, menghafal pelajaran merupakan cara yang majoriti dilakukan oleh pelajar-pelajar untuk lulus dalam peperiksaan iaitu sebanyak 71 orang responden (71.0%) menyatakan demikian. Ini menunjukkan bahawa majoriti pelajar-pelajar



lemah dan tidak mempunyai asas dalam bahasa Arab. Untuk itu, menghafal adalah cara terbaik untuk lulus dalam peperiksaan, kerana mereka diwajibkan lulus dalam ujian. Kemudian diikuti dengan cara melakukan latih tubi terhadap latihan-latihan yang diberikan iaitu sebanyak 49 orang responden (49.0%) menyatakan demikian dan hanya 13 orang responden (13.0%) menyatakan dengan cara membuat perbincangan berkumpulan dengan rakan-rakan. Di samping itu, responden juga telah memberi maklum balas dengan menyatakan usaha-usaha selain daripada yang disenaraikan oleh pengkaji, iaitu sebanyak sembilan orang responden (9.0%), antaranya ialah meminta bantuan dan bertanya rakan-rakan yang lebih arif (3.0%), membuat latihan dan nota ringkas (2.0%), mengulangkaji pelajaran dan membaca semua kandungan buku yang dipelajari (2.0%), meluangkan masa bertanya guru (1.0%) dan memotivasikan diri (1.0%). Peratusan yang menjawab bagi satu-satu item dalam Jadual 3.22 diukur berdasarkan respon setiap item tersebut dan bukannya berdasarkan keseluruhan tiga item yang terkandung dalam jadual.

### 3.1.28 Penyediaan Modul Asas Bahasa Arab

**Jadual 3.23:  
Penyediaan Modul Asas Bahasa Arab**

<b>Bil.</b>	<b>Item</b>	<b>Ya</b>	<b>Tidak</b>
1.	Adakah anda bersetuju agar dibuat satu modul asas bahasa Arab yang lebih sesuai dan mudah khas untuk pelajar-pelajar yang tidak mempunyai asas bahasa Arab?	100 (100.0%)	0 (0%)

Jadual 3.23 menunjukkan penyediaan modul asas bahasa Arab. Hasil kajian mendapati semua responden iaitu 100.0% bersetuju dengan penyediaan modul asas

bahasa Arab yang lebih sesuai dengan tahap penguasaan pelajar terhadap bahasa Arab.

Inilah yang menjadi sokongan kuat kepada pengkaji untuk berusaha menyediakan modul asas bahasa Arab dan memastikan bahasa Arab dapat diikuti oleh semua pelajar tidak mengira agama, bangsa dan keturunan serta menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa komunikasi yang diminati khususnya di UMS.

### 3.1.29 Keperluan Kandungan Modul Asas Bahasa Arab

**Jadual 3.24:**  
**Keperluan Kandungan Modul Asas Bahasa Arab**

<b>Bil.</b>	<b>Item</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratusan</b>
1.	Mengandungi terjemahan dalam bahasa Melayu.	77	77.0%
2.	Menggunakan perkataan Arab yang mudah.	75	75.0%
3.	Menggunakan asas sintaksis Arab yang mudah difahami.	74	74.0%
4.	Mengandungi latihan-latihan asas untuk latih tubi.	70	70.0%
5.	Mengandungi empat kemahiran asas iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis.	66	66.0%
6.	Pemilihan tajuk-tajuk yang mudah dan ringkas.	56	56.0%
7.	Penekanan kepada kemahiran berkomunikasi.	52	52.0%
8.	Memperbanyakkan perkataan Arab yang digunakan dalam bahasa Melayu	49	49.0%
9.	Menggunakan bantuan sebutan dalam tulisan rumi.	47	47.0%
10.	Menggunakan <i>font</i> yang jelas dan terang.	31	31.0%

Jadual 3.24 di atas menunjukkan keperluan kandungan modul asas bahasa Arab. Hasil kajian mendapati pelajar-pelajar telah memilih beberapa isi kandungan yang perlu ada dalam penyediaan modul asas bahasa Arab. Sebanyak 77 orang responden (77.0%) menyatakan bahawa isi kandungan modul hendaklah mengandungi terjemahan dalam bahasa Melayu. Ia merupakan peratusan yang paling tinggi. Ini menunjukkan rata-rata pelajar-pelajar tidak mempunyai asas bahasa Arab dan memerlukan terjemahan dalam bahasa Melayu untuk membantu mereka mempelajari bahasa Arab dengan mudah serta dapat menarik minat mereka mempelajari bahasa tersebut.

Seterusnya 75 orang responden (75.0%) menyatakan perlunya menggunakan perkataan Arab yang mudah dalam modul yang disediakan. 74 orang responden (74.0%) menyatakan penggunaan asas sintaksis Arab yang mudah difahami. Terdapat sebanyak 70 orang responden (70.0%) menyatakan perlunya mengandungi latihan-latihan asas untuk latih tubi. 66 orang responden (66.0%) menyatakan perlunya mengandungi empat kemahiran asas iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Sebanyak 56 orang responden (56.0%) menyatakan bahawa modul yang dicipta hendaklah mengandungi tajuk-tajuk yang mudah dan ringkas. Terdapat keperluan isi kandungan yang mendapat sokongan di bawah 50%, iaitu memperbanyakkan perkataan Arab yang diguna pakai dalam bahasa Melayu sebanyak 49 orang responden (49.0%), menggunakan bantuan sebutan dalam tulisan rumi sebanyak 47 orang responden (47.0%) dan menggunakan *font* yang jelas dan terang sebanyak 31 orang responden (31.0%). Di samping itu, sebanyak sembilan orang responden (9.0%) memberikan maklum balas selain daripada yang disenaraikan oleh pengkaji, antaranya ialah penggunaan rajah dan penerangan yang jelas

serta contoh-contoh yang mudah (3.0%), tajuk yang menarik dan mengandungi terjemahan (2.0%), mengandungi kemahiran membaca ayat serta menyediakan rakaman perbualan untuk bacaan (2.0%), mengandungi gambar-gambar yang menarik (1.0%) dan mengandungi jawapan bagi setiap soalan latihan yang diletakkan di akhir modul (1.0%). Peratusan yang menjawab bagi satu-satu item dalam Jadual 3.24 diukur berdasarkan respon setiap item tersebut dan bukannya berdasarkan keseluruhan 10 item yang terkandung dalam jadual.

### 3.1.30 Faedah Mempelajari Modul Asas Bahasa Arab

**Jadual 3.25:  
Faedah Mempelajari Modul Asas Bahasa Arab**

<b>Bil.</b>	<b>Item</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratusan</b>
1.	Dapat meningkatkan penguasaan saya dalam bahasa Arab.	89	89.0%
2.	Dapat mengikuti asas nahu Arab dengan baik	67	67.0%
3.	Dapat memahami perbualan asas dalam bahasa Arab.	66	66.0%
4.	Dapat menambah minat saya mempelajari bahasa Arab.	63	63.0%
5.	Dapat menambah kemahiran bertutur asas bahasa Arab.	63	63.0%
6.	Dapat mengingat asas kosa kata Arab dan penggunaannya dalam perbualan.	59	59.0%
7.	Dapat membaca dan menulis dalam bahasa Arab.	56	56.0%

Berdasarkan Jadual 3.25, majoriti pelajar iaitu 89 orang responden (89.0%) menyatakan faedah mempelajari modul asas bahasa Arab adalah dapat meningkatkan penguasaan pelajar dalam bahasa Arab. Kemudian diikuti sebanyak 67 orang responden (67.0%) menyatakan dapat mengikuti asas nahu Arab dengan baik, 66 responden

(66.0%) menyatakan dapat memahami perbualan asas dalam bahasa Arab, masing-masing 63 orang responden (63.0%) menyatakan dapat menambah minat pelajar mempelajari bahasa Arab dan dapat menambah kemahiran bertutur asas bahasa Arab. Terdapat 59 orang responden (59.0%) menyatakan dapat mengingat asas kosa kata Arab dan penggunaannya dalam perbualan dan 56 orang responden (56.0%) menyatakan dapat membaca dan menulis dalam bahasa Arab. Di samping itu terdapat lima orang responden (5.0%) telah memberi maklum balas tentang faedah mempelajari modul asas bahasa Arab selain daripada yang telah disenaraikan oleh pengkaji di atas, antaranya ialah dapat gred yang lebih baik dalam peperiksaan (2.0%), dapat mengaplikasikan dalam perbualan harian (2.0%) dan dapat membantu mendapatkan pekerjaan di Timur Tengah (1.0%). Peratusan yang menjawab bagi satu-satu item dalam Jadual 3.25 diukur berdasarkan respon setiap item tersebut dan bukannya berdasarkan keseluruhan tujuh item yang terkandung dalam jadual.

### **3.2 RUMUSAN DARI SOAL SELIDIK A**

Daripada analisis soal selidik A yang dilakukan di atas, pengkaji dapatlah merumuskan beberapa perkara penting seperti berikut:

1. Secara keseluruhannya pelajar-pelajar yang mengambil kursus bahasa Arab di UMS adalah lemah dan sederhana. Mereka terdiri dari pelbagai bidang aliran, etnik dan agama. Mereka tidak mempunyai asas bahasa Arab, malah ada dalam kalangan mereka tidak mempunyai asas langsung dalam bahasa Arab, kerana mereka tidak pernah mempelajari bahasa tersebut di peringkat sekolah rendah dan menengah, khususnya bagi mereka yang bukan beragama Islam.

2. Kebanyakan pelajar-pelajar yang mengambil kursus bahasa Arab di PPIB, UMS dalam keadaan terpaksa disebabkan tidak ada pilihan lain kerana kursus bahasa-bahasa asing yang lain sudah penuh. Oleh kerana bahasa asing merupakan kursus wajib, maka mereka terpaksa mengambil kursus yang masih ditawarkan walaupun dalam keadaan terpaksa. Inilah yang menyebabkan mereka menganggap bahasa Arab adalah bahasa yang susah dan membuatkan mereka tidak begitu berminat mempelajari bahasa tersebut. Walaubagaimanapun, dengan usaha yang dilakukan oleh tenaga pengajar bahasa Arab di PPIB, UMS dalam pengajaran, akhirnya pelajar-pelajar yang tidak berminat dapat meminati bahasa Arab sedikit demi sedikit sehingga mereka dapat mengikuti pembelajaran bahasa Arab pada tahap seterusnya.
3. Menghafal merupakan satu cara yang paling banyak dilakukan oleh pelajar untuk mempelajari bahasa Arab dan seterusnya untuk lulus dalam ujian, khususnya pelajar-pelajar yang tidak mempunyai asas langsung dalam bahasa Arab. Pada peringkat awal, mereka terpaksa menghafal huruf-huruf Arab, sebutan, cara penulisan, sistem baris, cara menyambung huruf dan asas kosa kata Arab untuk membolehkan mereka dapat mengikuti seterusnya pembelajaran bahasa Arab.
4. Dalam meningkatkan minat dan penguasaan bahasa Arab, guru memainkan peranan utama untuk memastikan berjaya atau tidaknya proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan. Guru boleh menarik minat pelajar-pelajar meminati dan mempelajari bahasa Arab dengan mudah, walaupun pada awalnya

mereka terpaksa dan tidak berminat mempelajari bahasa Arab. Penggunaan kaedah pengajaran yang baik dapat mejadikan suasana pembelajaran lebih ceria dan menarik.

5. Semua pelajar yang dikaji inginkan sebuah modul asas bahasa Arab yang lebih mudah dan bersesuaian dengan tahap penguasaan mereka dalam bahasa Arab. Modul yang terlalu tinggi akan merumitkan lagi suasana mempelajari bahasa Arab dan akan mengurangkan minat mereka mempelajari bahasa tersebut.
6. Hasil kajian inilah mendorong pengkaji menyediakan modul asas bahasa Arab untuk pelajar-pelajar UMS yang memerlukan sebuah modul asas yang lebih sesuai untuk mereka dengan mengambil kira latar belakang dan penguasaan mereka dalam bahasa Arab terutamanya pelajar-pelajar yang tidak mempunyai asas langsung dalam bahasa Arab. Hal ini bertepatan dengan objektif yang telah digariskan iaitu mencipta satu modul asas bahasa Arab yang sesuai untuk pelajar-pelajar Universiti Malaysia Sabah.

Oleh yang demikian, usaha yang akan dilakukan oleh pengkaji untuk menghasilkan satu modul asas bahasa Arab untuk pelajar-pelajar UMS adalah satu usaha yang bertepatan dengan kehendak dan kemahuan mereka berdasarkan hasil analisis soal selidik yang dijalankan sebelum ini. Pengkaji dengan rendah hati, mengalu-alukan sebarang bentuk kritikan dan cadangan dalam usaha pengkaji merealisasikan hasrat murni bagi menghasilkan satu modul asas bahasa Arab.

### 3.3 ANALISIS DESKRIPTIF DARIPADA SOAL SELIDIK B

Jadual 3.26:  
Keputusan Ujian

Bil. Soalan	Jawapan Betul	Jawapan Salah	Jawapan Sebahagian Betul	Tidak Menjawab
1.	87	4	9	
7•4	•9	□	□	
9•	□ □		8	7
□ □		7	4	•9
	7•4	•9		□
•8	1•1	8		1
b.	95	3•	2	
c.	90	7		3
d.	67	31		2
e.	98	1		1
a.	59	41		•
b.	94	•4		2□
c.	79	19		2□
d.	92	7•	1	□
•9	1•6	••3		□ □
•1	42	•57		□ □
•4	•20	•	3	9
c.	37	23		40
	23	•4	0	□
•3	1•1	7		51
	17	•5	1	□
•5	1•1	6		33
	••3	3□		□
3□	□		6	••3
□ 1	6•	3	3	□
• a.	93•3			4
3	•3	•4		□ □
•82	•11	••7	□	□
84	4•	12	□	□
89	4•	7□		□
•7	□	□	8	9•4
□		•4		7□
e.	77	9•	1	4□
f.	90	1•	9	□
•8	0•1	0•	1	0□
h.	75	4•	2	1□
••9	9	••1		□ □
100	••	□		□ 8
•2	•10	□	□	



	• 24	• • 2	2□		□
•	22	□ □		4	• 24
□	□		24		• 22
	4• 2	4•	22	□	□
	• 36	• 19	• • 4	5	□
	.• 4	8• 3	• • 4	9	□
	.• 1	1• 9	• • 8	0	□
	.• 3	5	57		8□
	b.	26	22		• 5
		• 22	•	5	2
	c.	13	64		23
		64	• 23		□ □
	• 20	• 66	• • 1	4	□
	e.	3• 1	8		79
	a.	93	2•	5	□
	.• 9	2• 4	• • 4		□ □
	• 75	• 17	• • 8		□ □
	• 73	• 17	• • 1	0	□
	.• 8	4• 1	1•	5	□
	.• 7	1• 8	• • 2	1	□
	.• 1	3• 5	4•	3	3□
	c.	41	30		29
	d.	52	13		35
	e.	24	37	• 39	□
	.• 2	1• 6	3•	16	□
	.• 3	4• 5	4•	12	□ □
	• 17	• 53	• • 3	0□	□
	31	46	• 23	□	□
	• 23	□	□	1	46
	□		• 46		• 23
		46	• 23	□	□
	21	56	•	23	□
	.• 5	1	14	10	• 25
		0• 25	□ □	• 14	10• 25

□

• b. • 52 • 11 • 9 • 28 □ □ • c. • 21 • 21 • 30 • 28 □ □

1 • 30 • 28 □ □ • d. • 22 • 19 • 30 • 29 □ □ • e. • 15 • 27 • 26 • 32 □

□ • a. • 14 • 23 • 5 • 58 □ □ • b. • 4 • 33 • • 63 □ □

□ □ • c. • 21 • 16 • 3 • 60 □ □ • d. • 9 • 8 • 1 • 82 □ □ • e.

• 9 • 11 • 3

### 3.3.1 Purata Keputusan Soal Selidik B

**Jadual 3.27:**  
**Analisis Keputusan Ujian**

<b>BIL.</b>	<b>Keputusan</b>	<b>Jumlah</b>	<b>Peratusan</b>
1.	Betul	3592	49.89%
2.	Salah	3480	48.34%
3.	Betul Sebahagian	127	1.76%
<b>Jumlah Keseluruhan Jawapan</b>		<b>7199</b>	<b>100.0%</b>

Soal selidik B mengandungi 17 soalan yang berkaitan dengan pelajaran asas bahasa Arab. 11 soalan dipecahkan kepada lima soalan kecil, satu soalan dipecahkan kepada lapan soalan kecil, manakala empat soalan tidak dipecahkan. Ia bertujuan untuk memudahkan pelajar-pelajar memahami dan menjawab soalan dengan mudah. Soal selidik B ini merupakan ujian amali untuk menguji tahap penguasaan dan pemahaman pelajar terhadap apa yang mereka telah pelajari sebelum ini berkenaan dengan bahasa Arab, kerana pelajar-pelajar yang terlibat dalam soal selidik ini, adalah mereka yang terdiri dari kalangan pelajar yang berada di tahun satu dan tahun dua serta telah mengikuti pembelajaran bahasa Arab. Untuk merujuk kepada soalan-soalan yang digunakan dalam soal selidik B ini, sila rujuk lampiran A.

### 3.3.2 Ulasan Terhadap Soal Selidik B

Merujuk kepada keputusan soal selidik B dalam Jadual 3.27, kita dapati pelajar-pelajar yang dapat menjawab soalan dengan baik, tidak sampai 50 peratus iaitu hanya 49.89% sahaja dan tidak begitu jauh perbezaannya jika dibandingkan dengan pelajar-

pelajar yang menjawab salah dan tidak menjawab iaitu sebanyak 48.34%. Perbezaannya hanya 1.55% sahaja. Manakala 127 orang pelajar iaitu 1.76% menjawab sebahagian betul. Hasil kajian ini menunjukkan pelajar-pelajar agak lemah dalam bahasa Arab. Walaupun soalan yang dikemukakan adalah berkaitan dengan asas mempelajari bahasa Arab seperti melengkapkan huruf Arab, menyambung huruf, membariskan kalimah, bilangan, ucap selamat, membentuk ayat mudah dan beberapa soalan mengenai asas sintaksis Arab, namun masih ramai dalam kalangan mereka tidak dapat menjawab dengan betul. Ini menunjukkan bahawa, para pelajar harus diberikan pendekatan khusus dalam mempelajari bahasa Arab, agar mereka lebih bermotivasi dan meminati bahasa Arab.

Secara kesimpulannya, pengkaji berpendapat bahawa perlu ada satu usaha untuk menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa yang diminati ramai dan menjadikan pelajar-pelajar lebih bermotivasi mempelajarinya, walaupun pada peringkat awalnya mereka dalam keadaan terpaksa dan merasakan bahasa tersebut adalah bahasa yang paling susah.

Faktor agama dan kaum bukanlah penghalang untuk mempelajari bahasa Arab, ini terbukti ramai juga dalam kalangan pelajar yang mengikuti pembelajaran bahasa Arab terdiri dari kalangan mereka yang bukan beragama Islam dan tidak beragama serta berlainan bangsa (Rujuk jadual 3.4 dan 3.5 dalam bab ini). Walaupun mereka tidak mempunyai asas langsung dalam bahasa Arab dan menghadapi kesukaran mempelajarinya, namun mereka berusaha untuk mengikutinya, di samping usaha tenaga pengajar memberikan pemahaman dan pengajaran yang terbaik untuk mereka. Oleh yang demikian, kaedah pengajaran dan bahan pembelajaran harus bersesuaian dengan tahap penguasaan pelajar.

### **3.4 PENUTUP**

Berdasarkan dapatan daripada analisis soal selidik A dan B, jelaslah menunjukkan bahawa usaha yang dilakukan oleh pengkaji untuk menyediakan modul asas bahasa Arab adalah menjadi satu keperluan untuk menjadikan bahasa tersebut lebih mudah dipelajari dan difahami supaya objektif pembelajaran bahasa tersebut dapat dicapai dengan baik serta memenuhi kehendak pelajar-pelajar yang inginkan sebuah modul asas bahasa Arab disediakan untuk mereka dengan lebih lengkap dan sempurna.